

3

Dapatkan sokongan

Terdapat pelbagai perkhidmatan yang boleh menghulurkan sokongan kepada anda. Sesiaapa sahaja, termasuklah pelajar antarabangsa dan pelawat, boleh mendapat bantuan dan sokongan daripada perkhidmatan ini.

Sokongan perubatan

Jika anda pernah diserang secara seksual, anda boleh mendapatkan khidmat perubatan percuma di jabatan kecemasan mana-mana hospital awam. Perkhidmatan Rogol dan Serangan Seksual Yarrow Place boleh digunakan secara percuma (anda tidak memerlukan kad Medicare).

Perkhidmatan ini menyediakan maklumat, kaunseling, rawatan perubatan dan pemeriksaan secara percuma untuk sesiapa sahaja yang berusia 16 tahun ke atas dan telah diserang secara seksual. Mereka boleh menjalankan ujian untuk mengesan jangkitan kelamin dan mengajar anda cara mencegah kehamilan.

Bukti perubatan dapat membuktikan apa yang berlaku. Pemeriksaan sebaik-baiknya dilakukan dalam masa 72 jam selepas diserang secara seksual tetapi pemeriksaan yang dilakukan sehingga tujuh hari selepas diserang masih dapat memberikan bukti yang berguna dan boleh digunakan di mahkamah jika hal tersebut ditangani selanjutnya.

HUBUNGI DOKTOR YANG MERAWAT ANDA UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN BAGI TEMPAT ANDA

Sokongan guaman

Perkhidmatan guaman percuma boleh memberi anda nasihat sulit tentang pilihan yang ada

Inilah hasil penyesuaian sumber yang dikeluarkan oleh Bandar Raya Sydney, Pusat Guaman Redfern dan StudyNSW.



bagi anda. Nasihat ini mungkin berkait dengan aturan penghunian, pendidikan dan tempat kerja anda di samping cara membuat laporan polis. Jika anda mangsa serangan seksual, anda tidak perlu mendapatkan khidmat peguam jika anda hendak membuat laporan polis.

Yang berikut ialah perkhidmatan guaman pakar yang percuma:

Perkhidmatan Guaman Wanita

Menyediakan nasihat dan maklumat guaman secara percuma untuk wanita.
1800 816 349 | www.wlssa.org.au

Suruhanjaya Perkhidmatan Guaman Australia Selatan

Memberikan maklumat, nasihat dan perwakilan guaman secara percuma..
1300 366 424 | www.lsc.sa.gov.au

UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN DARIPADA PERKHIDMATAN UNTUK MANGSA

Mangsa Jenayah Australia Selatan

Jika anda mangsa jenayah, anda mungkin layak mendapat pelbagai perkhidmatan percuma, antara lainnya kaunseling, bantuan kewangan dan sokongan guaman.
8204 9635 (9 pagi hingga 5 petang)

Membuat laporan polis

Serangan seksual ialah suatu jenayah. Visa atau pekerjaan anda tidak akan terjejas kerana anda mangsa jenayah. Jika anda mangsa serangan seksual, anda tidak perlu mendapatkan khidmat peguam jika anda hendak membuat laporan polis.

Polis di Australia akan menyiasat laporan anda dan menyusulinya untuk menjamin keselamatan anda serta keselamatan orang lain. Anda boleh membuat laporan dengan cara:

- menelefon sifar sifar sifar (000)
- pergi sendiri ke balai polis
- melaporkan kejadian itu tanpa mendedahkan nama anda kepada Crime Stoppers melalui talian 1800 333 000.

Perkhidmatan sokongan juga boleh membantu anda membuat laporan polis.

tubuh anda pilihan anda

Serangan seksual ialah suatu jenayah.

Tidak berpatutan sama sekali jika seseorang itu menggunakan kekerasan atau ugutan untuk memaksa anda melakukan sesuatu yang tidak anda suka.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali pernah mengalami serangan seksual, anda boleh mendapatkan bantuan daripada:

Polis: Telefon 000 (sifar sifar sifar)

Perkhidmatan Serangan Seksual Kebangsaan:

Telefon 1800 737 732

(panggilan percuma, 24 sehari, 7 hari seminggu)

Jurubahasa percuma: Hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Alih Bahasa (TIS) melalui talian 131 450. Jurubahasa akan menghubungi mana-mana perkhidmatan sokongan yang anda kehendaki secara percuma.



1

Ketahui hak anda

2

Bercakaplah dengan orang yang anda percayai

3

Dapatkan sokongan

1

Ketahui hak anda

Anda berhak menentukan sama ada anda hendak berdampingan dengan seseorang. Seks dan hubungan intim boleh merangkumi gerakan meraba-raba, persetubuhan, gambar berunsur seks dan mesej berunsur seks. Perbuatan memaksa anda melakukan mananya aktiviti ini yang tidak anda setujui dengan rela hati ialah suatu jenayah.

Di Australia, orang lain tidak dibenarkan menyentuh anda, mengugut anda, bertukar-tukar gambar seksual anda atau dengan anda, atau membuat komen seksual kepada atau tentang anda tanpa izin anda. Kesalahan seksual ialah jenayah yang serius dan pesalah boleh dipenjarakan. Visa atau pekerjaan anda tidak akan terjejas kerana anda melaporkan jenayah atau menjadi mangsa jenayah.



Apakah maksud serangan seksual?

Serangan seksual merangkumi pelbagai jenayah seksual, antara lainnya:

- **MEROGOL**, iaitu anda dipaksa melakukan seks (melalui faraj, dubur atau mulut)
- **MERABA-RABA** dengan apa cara pun tanpa kehendak anda, sama ada di bawah pakaian ataupun berlapik pakaian
- **PAKSAAN SEKSUAL**, iaitu seseorang mendesak atau memperdaya anda untuk melakukan perbuatan seksual yang tidak mahu anda lakukan
- **MENGHENDAP**, iaitu seseorang mengikuti atau memerhatikan anda
- **MERENUNG DIRI ANDA TANPA IZIN ANDA** semasa anda berhubungan intim atau berkeadaan bogel
- **MENDEDAHKAN DIRI SECARA TIDAK SENONOH**, iaitu seseorang menunjukkan bahagian sulitnya kepada anda
- **DIPAKSA MENONTON ATAU MELAKUKAN PERBUATAN LUCAH**, iaitu seseorang mengambil gambar anda tanpa izin anda, memaksa diri anda dirakam secara video atau menyuruh anda menonton wayang lucah
- **MENGHANTAR MESEJ SEKSUAL**, iaitu menghantar gambar anda yang bogel kepada orang lain tanpa izin anda atau menghantar kepada anda gambar orang berkeadaan bogel yang tidak anda mahu.

Apakah maksud persetujuan melakukan seks?

MEMBERIKAN IZIN DENGAN RELA HATI



Bersetuju maksudnya anda membuat pilihan tanpa didesak, dimanipulasi maupun dipengaruhi dadah atau arak.

BERMINAT



Semasa melakukan seks, anda sepatutnya hanya bersetuju melakukan apa yang MAHU anda lakukan, bukannya apa yang anda rasa anda dikehendaki lakukan.

KHUSUS



Bersetuju melakukan sesuatu perkara (misalnya memasuki bilik tidur) tidak bermaksud anda bersetuju melakukan perkara lain (misalnya melakukan seks).

BOLEH DIBALIKKAN



Anda boleh mengubah fikiran pada bila-bila masa semasa melakukan seks, walaupun anda pernah melakukannya dan walaupun anda berdua sudah pun berkeadaan bogel di atas katil.

TERIKAT OLEH MASA



Bersetuju pada sesuatu masa tidak bermaksud anda telah bersetuju melakukan perkara yang sama pada waktu lain.

DIAM ITU BUKAN TANDA SETUJU



Ramai orang terdiam apabila mereka berasa sangat takut. Tidak berkata apa-apa itu tidak bermakna anda bersetuju.

2

Bercakaplah dengan orang yang anda percaya

Perbualan dengan kawan, ahli keluarga atau anggota kaunseling yang anda percaya mungkin dapat menolong anda menentukan langkah yang seterusnya. Walaupun anda mengambil keputusan tidak mahu melaporkan serangan seksual yang anda alami, beberapa tempat dapat menghulurkan bantuan dan sokongan percuma.

1800RESPECT

Menyediakan khidmat kaunseling melalui telefon dan dalam talian untuk orang yang terjejas oleh serangan seksual dan keganasan domestik.

1800 737 732

www.1800respect.org.au

Perkhidmatan Rogol dan Serangan Seksual Yarrow Place

Perkhidmatan perubatan dan kaunseling untuk sesiapa sahaja yang telah diserang atau dianiaya secara seksual pada atau selepas usia 16 tahun dan sesiapa sahaja yang bimbang bahawa seseorang yang disayangi mungkin telah diserang atau dianiaya. .

1800 817 421

24 jam sehari, 7 hari seminggu

Khusus untuk Lesbian Homoseks Transjantina Dwiseks Interseks dan Aneh (LGBTIQ):

QLife

Menyediakan sokongan melalui telefon dan dalam talian untuk orang segenap usia.

1800 184 527

3 petang hingga 12 tengah malam,
7 hari seminggu



Bantuan dan sokongan boleh didapati jika anda telah diserang atau diganggu secara seksual.